

SOALAN NO. 55**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK SAPAWI BIN
AHMAD WASALI [SIPITANG]**

TARIKH : 6 MAC 2018

SOALAN :

YB Datuk Sapawi Bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana keberhasilan jawatankuasa khas yang ditubuhkan Kerajaan bagi mengkaji undang-undang baharu membendung berita palsu yang boleh mengancam kestabilan politik, menggugat ketenteraman awam dan keselamatan negara. Selain agensi Kerajaan, berapa banyak badan bukan Kerajaan (NGO) turut dilibatkan dalam jawatankuasa tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pada 17 Januari 2018, Kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas Berkaitan Dengan Isu Penyebaran Berita Tidak Benar (Jawatankuasa Khas) untuk mengkaji keperluan menilai semula undang-undang sedia ada berkaitan dengan isu penyebaran berita tidak benar bagi menentukan tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan sesuai dengan perubahan teknologi maklumat.

Beberapa mesyuarat Jawatankuasa Khas telah diadakan yang dihadiri oleh semua wakil agensi-agensi Kerajaan berkaitan termasuk Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Jabatan Peguam Negara, Majlis Keselamatan Negara, Polis Diraja Malaysia, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia serta juga beberapa ahli akademik.

Pada 29 Januari 2018, Kerajaan juga telah bersetuju agar keahlian Jawatankuasa ini diperluaskan kepada ahli-ahli akademik daripada institusi pendidikan tinggi dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan wakil-wakil rakyat dari kedua-dua belah pihak bagi memastikan inisiatif Kerajaan ini mendapat semua pandangan yang sewajarnya. Sehubungan dengan itu, bagi Mesyuarat Jawatankuasa yang diadakan pada 13 Februari 2018, jemputan juga telah dikemukakan kepada antara lain, beberapa wakil-

wakil rakyat untuk memberi pandangan dan cadangan terhadap isu berkenaan penyebaran berita tidak benar. Mesyuarat Jawatankuasa ini juga turut dihadiri oleh wakil Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan wakil-wakil dari beberapa pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) seperti Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Wartawan Melayu Malaysia, Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), The National Press Club Malaysia (NPC), dan SOLS 24/7.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas akan terus mengadakan perbincangan dan konsultasi yang berterusan dengan semua pihak-pihak berkepentingan termasuk wakil-wakil rakyat dalam memuktamadkan cadangan Rang Undang-Undang yang akan dibawa untuk pertimbangan Jemaah Menteri dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.